

Sejarah Perkembangan Historiografi Islam Klasik dari Kurun ke-7 Masehi sehingga Kurun ke-19 Masehi

Satu Penelitian dari Aspek Genre, Metodologi dan Sumber

Muhamad Hasrul Bin Zakariah *

Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Kertas kerja ini akan mencerakinkan perkembangan historiografi Islam zaman klasik mulai kurun ke 7 Masehi sehingga kurun ke 9 Masehi meliputi historiografi Aliran Madinah dan Aliran Irāq. Aspek –aspek penting yang akan ditelitikan ialah berhubung dengan genre yang menguasai bentuk penulisan sejarah era klasik ini, khususnya yang bermula sejak tahun 610 Masehi dengan tradisi penulisan sejarah berbentuk *hadith*, *sīra*, *nasab*, *tabaqāt* dan *maghāzī*. Sumbangan beberapa tokoh sejarawan zaman klasik yang tersohor juga akan diteliti termasuklah antaranya oleh Shurabīl b. Sa’ad, ‘Urwa al-Zubayr, al-Zuhrī, Mūsā b. Uqba, Ibn Ishāq dan al-Waqīdī. Lanjutan daripada itu, beberapa karya klasik sejarah awal ini akan dibincangkan antaranya termasuklah karya al-Wāqīdī iaitu *Kitāb al-Maghāzī*, *al-Sira al-Nabawiyya* oleh Ibn Hishām dan *Kitab at-Tabaqāt* oleh Ibn S’ad. Dalam konteks ini juga, isu-isu penting yang relevan akan turut dibincangkan termasuklah persoalan tentang faktor-faktor yang telah mempengaruhi kemunculan tradisi pensejarahan awal Islam, kesan penghasilan karya-karya ini terhadap dunia pensejarahan Islam dan sejauh mana intipati karya-karya mereka ini dalam menyumbang kepada pembinaan kaedah pensejarahan moden yang saintifik. Kertas kerja ini juga akan menganalisis aspek metodologi yang digunakan oleh sejarawan Islam zaman klasik dalam usaha mereka membentuk satu kaedah saintifik ketika menghasilkan karya-karya sejarah yang objektif. Hal ini termasuklah menganalisis pengaruh kaedah *ilm al-hadīth* terhadap karya-karya sejarah, khususnya yang membabitkan penggunaan kaedah *isnād*, penelitian terhadap *matn* dan perawi, yang jelas telah diambil dari tradisi disiplin sains *al-hadīth*. Turut akan diperincikan ialah berhubung dengan aspek kritikan sumber yang membabitkan kemasukan unsur-unsur fiksyen yang diambil dari sumber lisan tradisi *Ayyām al-‘Arab*. Selanjutnya, perbincangan akan difokuskan juga kepada sejarah kemunculan karya-karya bentuk baru mulai kurun ke 9 Masehi, khususnya yang berpusat di Kufah dan Basra dengan tema dan skop yang lebih kompleks. Akhirnya, kertas kerja ini akan menjelaskan beberapa persoalan penting yang relevan dalam tradisi pensejarahan Islam zaman klasik misalnya tentang bagaimanakah generasi awal Islam cuba memahami sejarah sendiri? Kedudukan dan nilai sejarah kepada mereka, pemahaman mereka tentang falsafah sejarah dan bagaimanakah caranya mereka menulis sejarah? Semua ini akan

dihuraikan melalui analisis yang bersifat tematik dan disusun pula dalam rantaian kronologi penzamanan yang teratur.

Kata kunci: historiografi, Islam, metodologi, sumber, genre

Pendahuluan

Tradisi historiografi Islam telah mula menyerlah pada awal kurun ke 7 Masehi di kota Madinah berpunca daripada pengaruh Al-Qur'an dan Hadīth terhadap kumpulan ahli sejarah awal Islam. Pada peringkat ini, penulisan sejarah telah dirintis oleh golongan ulama' hadīth yang bertujuan untuk mengumpulkan hadīth-hadīth Rasulullah S.A.W bagi tujuan rujukan dan panduan selepas kewafatan baginda. Justeru, ketika itu tidaklah kelihatan perbezaan yang sangat ketara antara kaedah penulisan hadīth Rasulullah S.A.W dengan metodologi penulisan sejarah moden dan konvensional. Malahan kebanyakan ahli sejarah Islam zaman awal ini merupakan juga kumpulan ulama' hadīth (*muhadīthin*). Antara mereka yang terkenal termasuklah 'Urwa b Zubayr Al-Awwām, Abān b. 'Uthmān b. 'Affan, 'Umar b. Qattādah al-Ansāri, Mūsā b. 'Uqba dan Muhammad b. Muslim Shihāb al-Zuhrī.⁴⁹

Kertas kerja ini akan meninjau tentang perkembangan historiografi Islam yang berpusat di Asia Barat sejak kurun ke 7 Masehi sehingga kurun ke 9 Masehi. Selanjutnya perincian akan dilakukan terhadap aspek-aspek genre, metodologi penyelidikan dan penulisan serta sumber-sumber yang digunakan dalam penulisan sejarah oleh sejarawan Islam. Perincian tentang hal-hal ini amat penting kerana perkembangan Islam ke seluruh dunia selanjutnya, telah turut membawa masuk pengaruh yang besar terhadap tradisi dan perkembangan penulisan sejarah di Dunia Islam termasuklah di Alam Melayu dan Asia Tenggara. Justeru, kertas kerja ini akan memberi tumpuan khusus perkembangan historiografi awal Islam di Asia Barat, terutamanya dalam kalangan bangsa Arab kerana rantau ini merupakan lokasi asal bermulanya tradisi historiografi Islam.

Tinjauan Umum Tentang Sejarah Awal Perkembangan Historiografi Islam

Kurun sebelum kedatangan Islam, penduduk di Semenanjung Arab⁵⁰ tidak mempunyai tradisi persuratan dalam disiplin sejarah walaupun terdapat budaya persuratan tamadun

* Muhamad Hasrul Bin Zakariah, PhD ialah pensyarah Sejarah Asia Barat dan Sejarah Islam di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia pada 14 dan 15 September 2017 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

⁴⁹ Untuk senarai kumpulan ahli sejarah awal Islam ini boleh diperolehi dalam Al-A'zami, Muhamad Mustafā. *Studies in Early Hadith Literature* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2000), 60-182

⁵⁰ Masyarakat Arab kuno yang dimaksudkan di sini ialah penduduk Arab yang dikenali juga sebagai Arab Badwi atau Arab Utara yang menghuni Semenanjung Arab. Lokasi Semenanjung Arab atau Jazirah Arab pula meliputi wilayah yang disempadani di bahagian utara oleh Palestin dan gurun Syria, di bahagian timur oleh kerajaan al-Hīra, Sungai Euprates dan Tigris serta Teluk Parsi, di bahagian Selatan oleh Lautan Hindi dan Teluk Aden. Sementara di bahagian Barat sehingga ke Laut Merah. Lihat Muhamad Hussein Haykal, *The Life of Muhammad* (London: Shorouk International, 1983), 8-9. Dalam konteks kertas kerja ini pula, Arab di sini tidak termasuk penduduk di bahagian selatan

Mesopotamia dan Mesir kuno sejak 3500 Sebelum Masehi. Budaya persuratan dua tamadun besar ini telah tersebar sekitar 1200 Sebelum Masehi dalam kalangan penduduk di Asia Minor, Syria, Palestin, Parsi dan kawasan Mediterranean. Kejatuhan dua tamadun awal ini pula telah membawa kepada kelahiran tamadun dan budaya Asia Barat yang berbeza khususnya dalam kalangan masyarakat Hitties, Phoenecian, Assyrian, Hebrew, Babylon, Parsi, Minoan dan Mycnaean. Selanjutnya, rantau Asia Barat telah dipengaruhi oleh perkembangan empayar dan tamadun Greco-Roman khususnya pada era penaklukan Empayar Greek sekitar 750-550 Sebelum Masehi. Pengaruh pensejarahan Parsi dan Kristian daripada Empayar Kristian Baizantin dan Parsi Sasanid pula mula meresap dengan kejatuhan Empayar Rom Barat sekitar 476 Masehi.

Bagi masyarakat Arab pra Islam yang tinggal di Semenanjung Arab, kemunculan empayar-empayar besar yang silih berganti di rantau Asia Barat tadi bagaimanapun tidaklah mempengaruhi secara langsung tradisi persuratan mereka kerana lokasi penempatan mereka yang terpencil di padang pasir dan terpisah daripada dunia luar. Justeru, tidaklah menghairankan sebelum kedatangan Islam, sukar bagi para pengkaji menemui penulisan sejarah yang sistematik dalam kalangan penduduk di Semenanjung Arab apatah lagi untuk melihat sumbangan historiografi Arab pra Islam kepada pensejarahan moden.⁵¹ Malahan tidak wujud sumber-sumber bertulis tentang sejarah masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam kecuali beberapa inskripsi kuno yang ditemui di selatan Semenanjung Arab yang mencatatkan tentang kemunculan empat kerajaan antara tahun 1200 Sebelum Masehi hingga 527 Masehi.⁵² Menurut ahli sejarah terkenal Franz Rosenthal pula, inskripsi tertua era pra Islam ini termasuklah tulisan oleh Imru' al-Qays (328 Masehi) dan inskripsi Sarahil di wilayah Leija, selatan Damsyik (568 Masehi).⁵³

Pada era pra Islam ini, masyarakat Arab hanya bergantung kepada tradisi lisan dalam merakamkan peristiwa-peristiwa sejarah mereka. Antara tradisi yang terkenal ialah rakaman lisan tentang peristiwa perang antara kabilah atau *Ayyām al-'Arab*. Naratif peristiwa ini disampaikan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi oleh narator profesional atau

Semenanjung Arab seperti penduduk Ma'in, Saba', Qataban dan Hadramaut yang telah menubuhkan beberapa kerajaan dalam tempoh tahun 1200 SbM hingga 527 Masehi. Lihat Ueli Brunner, "Geography and Human Settlements in Ancient Southern Arabia," *Arabian Archeology and Epigraphy*, vol. 8 (1997), 190-202. Arab Badwi atau Arab Utara ini hidup secara nomad termasuklah di Madinah, Taif dan Mekah. Lihat Robert C. Dentan, *The Idea of History in the Ancient Near East*, (New Heaven: American Oriental Society, 1983)239-240

⁵¹ Malahan catatan tentang dunia Arab kuno juga sangat jarang ditemui dalam penulisan sejarah Greek dan Kristian. Hanya beberapa catatan ditemui tentang Arab Kuno dalam penulisan Herodotus (430 SbM), Strabo (22 M), Dio Cassius (220 M), Ammianus Marcellinus (380 SbM) dan Procopius dari Caesarea (550 M).

⁵² Abdul 'Aziz al-Dūri, *The Rise of Historical Writing Among the Arabs*. Diedit dan diterjemah oleh Lawrence I. Conrad (Princeton: Princeton University Press, 1983), 14-15 dan George C. Miles, "Early Islamic Inscription near Ta'f in the Hijaz," *Journal of Near Eastern Studies*, vol. 7 (1948), 236-242

⁵³ Franz Rosenthal, *A History of Muslim Historiography* (Leiden: E.J Brill, 1968), 19. Terdapat juga inskripsi kuno lain seperti inskripsi Zabad di Aleppo (512M), Al Haran di al-Laja (568 M), Ummul al-Jimal di Hauran, Syria (kurun ke 4 atau ke 5 Masehi) dan inskripsi Sakakh di Arab Saudi (kurun ke 4 Masehi). Lihat Phillip K. Hitti, *History of the Arabs*, (London:Macmillan, 1970) 88 dan Miles, 236-242.

disebut sebagai *rāwi*. Antara cerita sejarah lisan yang terkenal termasuklah kisah hari-hari *al-Kulāb*, *al-Dalīs*, *Shi'ab Jabala*, *al-Baṣūs* dan *Halīma*.⁵⁴ Naratif lisan ini menceritakan kisah-kisah sejarah konflik yang dialami oleh kabilah-kabilah yang hidup di kawasan padang pasir. Misalnya naratif *Harb al-Bāṣūs* yang sangat terkenal mengisahkan tentang konflik antara kabilah Banū Taghlīb dengan kabilah Banū Bakr. Kisan-kisah ini diceritakan secara lisan turun temurun sebagai hiburan di samping untuk mengetengahkan kebanggaan sesuatu kabilah. Menurut ahli sejarah, Warner Caskel, *Ayyām al-'Arab* ini memainkan peranan yang penting kepada kelahiran historiografi genre *maghāzī* yang merupakan antara genre historiografi Islam yang paling awal.⁵⁵

Selain itu, zaman pra Islam juga memperlihatkan kewujudan historiografi *nasab* yang penting sebagai sumber sejarah Arab. Tradisi masyarakat Arab yang sangat mementingkan sejarah keluarga dan keturunan menjadikan genre ini amat popular dalam kalangan mereka sejak sebelum Islam lagi. Antara yang terkenal dalam genre ini ialah yang dirakamkan oleh Ibn Durayd, *Kitāb al-Istiqāq* dan oleh Abu Farāj al-Isfahānī, *Kitāb al-aghānī*.⁵⁶ Selain itu terdapat tradisi puisi yang sangat terkenal sejak kurun ke 5 Masehi yang kemudiannya menjadi sumber penting dalam menggalurkan sejarah masyarakat Arab pra Islam. Puisi-puisi ini terdapat dalam pelbagai bentuk misalnya yang berbetuk *shi'r* (syair), *qasīdah*, *hijā* (satira), *saj'* (prosa berirama) dan *ghazal* (puisi cinta). Puisi-puisi ini disifatkan sebagai memori kolektif masyarakat Arab yang merakamkan sejarah dan budaya hidup komuniti Badwi yang selanjutnya menjadi rujukan penting dalam penulisan sejarah Islam terkemudian. Antara yang paling terkenal ialah koleksi puisi *Mu'allaqāt* oleh 'Imru al-Qays pada lewat kurun ke 5 Masehi.⁵⁷ Puisi-puisi ini yang asalnya dalam bentuk lisan kemudiannya telah dikumpul dan diedit oleh sejarawan Islam pada kurun ke dua dan ke 3 kalendar Islam. Antara yang terawal ialah oleh ahli sejarah Abū b. 'Amr al-'Alā (770M), Hammād al-Rāwīyya (771M), al-Mufaddal al-Dābbī (786M) dan Khalaf al-Ahmar (796M).⁵⁸

Kedatangan Islam kemudiannya telah membawa perubahan yang signifikan terhadap tradisi historiografi masyarakat Arab. Pertamanya ialah perubahan dari segi falsafah dan kedudukan disiplin sejarah itu sendiri. Al-Qur'an telah menggunakan beberapa frasa yang amat signifikan dengan disiplin sejarah misalnya konsep *nabal* (perisytiharaan sesuatu yang

⁵⁴ 'Abdul Muhsin al-Hussaini, *Taqwīm a-'Arab fi al-jāhiliyah* (Kaherah: Matba' at Jāmiyah al-Iskandāriyah, 1963), 3-10

⁵⁵ Ilse Lichtenstadler, "Arabic and Islamic Historiography," *The Muslim World*, vol. 35 (1945), 128 dan Erling L. Peterson, Ali and Muawīya dlm. *Early Arabic Tradition: Studies on Genesis and Growth of Islamic Historical Writing Until The End of Ninth Century* (Copenhagen:Scandinavian University Press, 1964),14.

⁵⁶ Lihat Muhammad b. al-Hasan Ibn Durayd, *Kitāb al-istiḳāq*, diedit oleh Abd al-Salam Muhammad Harun (Kaherah: t.p., 1958. *Kitāb al-aghānī* pula digelar oleh Ibnu Khaldun sebagai *register of the Arabs* yang mengandungi lagu-lagu, puisi dan informasi biografi khususnya berhubung dengan tradisi dan kehidupan masyarakat Arab pra-Islam.

⁵⁷ Puisi-puisi ini seringkali dipertandingkan dalam pertandingan puisi di Mekah khususnya pada musim haji. Puisi ini akan diperdengarkan di pasar-pasar misalnya di pasar Ukāz, Mekah. Puisi *Mu'allaqāt* pula pernah memenangi pertandingan ini beberapa kali di Mekah. Lihat Renold Alleyne Nicholson, *A Literary History of the Arabs* (Cambridge: Cambridge University Press, 1969), 135-137.

⁵⁸ Khurshid Ahmad Farid, *History of Arabic Literature* (Delhi: Vikas Publications, 1972), 52-53

terselindung), *hadīth* (berita), *dhikr* (peringatan), *qaṣṣa* (penceritaan) dan *‘ibra* (pengajaran). Justeru kedatangan al-Qur’an dan kemunculan *hadīth* telah membawa era baru dalam historiografi Arab khususnya, dan pensejarahan dunia Islam amnya. Historiografi Islam terutama sekali sumber utamanya kini berpasak kepada dua punca utama ini. Menurut Rosenthal “*Muslim historiography originated with Muhammad and the Qur’an*”⁵⁹ Ahli sejarah Islam menerima Al-Qur’an dan *hadīth* sebagai sumber utama historiografi kerana Al-Qur’an adalah sebuah rakaman yang benar tentang hubungan dan pengabdian antara manusia dan tuhan. Keimanan manusia menurut Islam memerlukan panduan dan pengetahuan, dan dalam hal ini Al-Qur’an berkait secara langsung dengan wahyu dan sejarah komunikasi antara manusia dengan tuhan melalui para nabi dan rasul.

Kedudukan ilmu sejarah dalam Islam amat penting kerana ia merekodkan permulaan hubungan manusia dan tuhan seperti mana ditegaskan oleh Khalidi, “*for the relationship between man and God based on a historical record, a register of deeds and misdeeds which need to be impressed upon memory*”.⁶⁰ Islam membawa satu falsafah dan konsep baru tentang sejarah manusia termasuklah dari segi permulaan sejarah itu sendiri. Sejarah menurut Islam bermula sejak sebelum manusia dilahirkan lagi iaitu sebagaimana dirakamkan dalam Al-Qur’an tentang ikrar manusia dalam perjanjian agung dengan tuhan (primordial covenant/*al-mīthāq*) sejak di alam ruh; yang kemudiannya dipastikan dalam segala perbuatan mereka dalam hal agama (*dīn*) dan penyerahan yang sepenuhnya (*al-Islām*).⁶¹ Malangnya manusia itu sendiri mempunyai kecenderungan untuk bersifat lupa terhadap perjanjian mereka dengan tuhan sehingga seringkali melakukan penderhakaan kepada Sang Pencipta dan melakukan kezaliman (*zulm*) serta kebodohan (*jahl*) terhadap diri sendiri. (perkataan *insān* itu sendiri merujuk kepada kata *nasiya* bermakna pelupa). Justeru kedatangan Islam membawa bersama idea bahawa sejarah kehidupan manusia itu adalah untuk mengingati semula perhubungan dan perjanjian mereka dengan tuhan. Falsafah sejarah yang baru ini telah memberi pengaruh yang besar terhadap kedudukan dan kepentingan ilmu sejarah sekaligus membawa kepada perkembangan historiografi umat Islam yang lebih signifikan.

Kedatangan Islam juga telah membawa konsep dan falsafah baru dalam dunia historiografi. Antaranya ialah pengaruh kandungan al-Qur’an tentang pelbagai cerita sejarah dan hubungannya dengan kehidupan manusia kuno (*qurūn*), konsep manusia (*umam*), periodisasi dalam sejarah (misalnya antara zaman pra Islam dan Islam) serta perincian tentang sejarah nabi-nabi (*rusul*). Islam juga telah mengubah persepsi manusia terhadap disiplin sejarah dan historiografi kerana sejarah dalam Islam bukan sahaja kisah manusia silam tetapi yang lebih penting ialah sejarah sebagai panduan kepada peraturan hidup dan pembinaan tamadun manusia, juga sebagai satu peringatan, sebagai arahan, pelajaran dan turut menekankan refleksi manusia terhadap peristiwa lalu sebagai satu pengalaman moral.

⁵⁹ Gholam M. Rasul, *The Origin and development of Muslim Historiography* (Lahore: Sh Muhammad Ashraf, 1976), 2

⁶⁰ Khalidi, Tarif, *Arabic Historical Thought in the Classical Period* (Cambridge: Cambridge University Press, 1994), 12

⁶¹ Al-Qur’an, 7: 172

Hal ini ditegaskan oleh para sarjana Islam seperti al-Dhahabi yang menyatakan bahawa “*the Qur’anic view of history is instructive rather than informative, which means its emphasis not on historical events but on lessons and consequences*”⁶² Falsafah dan konsep-konsep baru dalam sejarah dan pensejarahan telah meletakkan disiplin ini penting dalam dunia Islam. Malahan, kedatangan Islam telah mengubah persepsi bahawa sejarah itu tidak lebih daripada kisah-kisah kabilah yang tidak mempunyai nilai ilmu yang tinggi dalam kehidupan dan tamadun manusia.

Memandangkan Al-Qur’an dan hadīth menjadi sumber terpenting kepada penulisan sejarah awal Islam, maka aktiviti penulisan sejarah Islam telah bermula di Madinah. Kumpulan ahli sejarah yang muncul pada era ini juga dipanggil sebagai Aliran Madinah. Aliran ini pada awalnya telah dirintis oleh golongan ulama’ hadīth dan minat mereka telah berkembang kepada penulisan sejarah yang berkaitan dengan kehidupan Rasulullah SAW. Antara mereka ialah Abān b. ‘Uthmān, iaitu anak kepada Khalifah Uthmān. Beliau juga merupakan seorang gabenor yang amat dihormati, hakim, ahli hadīth (*muhaddith*) dan penulis biografi tersohor. Menurut al-Dhahabī dan Ibnu Sa’d, Abān merupakan seorang penulis sejarah yang sangat dipercayai.⁶³ Hasil kerja Abān ini kemudiannya banyak dirujuk oleh sejarawan terkemuka Islam terkemudian seperti Ibn Ishāq.⁶⁴ Selain Abān, seorang lagi ahli sejarah awal Islam ialah ‘Urwa b. al-Zubayr b. al-‘Awwām, sepupu Rasulullah SAW. Memandangkan hubungan rapat beliau dengan keluarga Rasulullah SAW dan terlibat dengan pelbagai peristiwa pada zaman nabi, beliau dianggap mempunyai kelayakan dalam mengakses sumber-sumber pertama misalnya daripada isteri Rasulullah SAW iaitu Saidatina Aishah R.A dan merekodkan peristiwa sejarah dengan kesaksian sendiri pada era Madinah. Beliau juga merupakan orang pertama yang mengasaskan disiplin sejarah sebagai disiplin yang tersendiri dan berasingan dengan ilmu Islam yang lain misalnya pengkajian ilmu hadīth.⁶⁵ Penulisan ‘Urwa juga banyak dirujuk oleh sejarawan Islam terkemudian misalnya Ibn Kathir, al-Dhahabī dan Ibn Hajar al-‘Asqalānī⁶⁶.

Seorang lagi ahli sejarah Islam zaman awal ini ialah Shurahbīl b. Sa’ad yang menulis karya sejarah melalui sumber-sumber yang diperolehi daripada sahabat-sahabat Rasulullah S.A W termasuklah ‘Urwa, Zaid b. Thābit, Abū Sa’īd al Khudrī dan Abū Huraira r.a. Shurahbīl telah mendapat maklumat dari sumber pertama peristiwa penting perkembangan Islam era Madinah termasuklah peristiwa perang Badr dan Uhud. (ini termasuklah senarai lengkap mereka yang terlibat dalam perang dan mereka yang telah berhijrah ke Habsyah). Muhammad b. Muslim b. Shihāb al-Zuhri pula merupakan salah seorang ahli sejarah terkemuka era Madinah ini. Beliau amat dikagumi dari segi ingatannya yang sangat kuat dan

⁶² Muhammad al-Da’mi, “Major trends of Arab historiography,” *Journal of the Pakistan Historical Society*, vol. 61 (1993), 262

⁶³ al-Dhahabi, *Siyar*, 4:351-352 dan Ibnu Sa’d, 5:210

⁶⁴ Josef Horowitz, “The Earliest Biographies of the Prophet and Their Authors,” *Islamic Culture*, vol. 1 (1972), 536-542

⁶⁵ Khalidi, *Arabic historical thought*, 30-32

⁶⁶ Ibn Kathir, *Al-bidayāh wa al-nihāyah*, 14 vols. Edisi Pertama. Diedit oleh Ahmad ‘Abd al-Wahhab Fatih, (Kaherah: Dār al-Hadith, 1992), 9:101; al-Dhahabi, *Siyar*, 6:150 dan Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-barī*, 5:333

mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang termasuklah dalam kajian hadīth, feqah dan sejarah. Beliau dianggap seorang yang paling cemerlang kearah mewujudkan metodologi yang sistematik dalam memperolehi, mengingati dan menulis laporan dan sejarah.⁶⁷ Al-Zuhri telah menjalankan penyelidikan komprehensif di Madinah untuk mencari dan mengumpul laporan serta rekod-rekod penting dari semua sumber khususnya melalui kesaksian para sahabat yang jujur dan boleh dipercayai. Beliau juga telah merekodkan peristiwa peralihan Saidina Abu Bakr sebagai khalifah Islam yang pertama, pemilihan Umar sebagai khalifah ke dua, pentadbiran Umar, ucapan dan peristiwa penyusunan al-Qur'an, peristiwa pembunuhan Uthman, peralihan 'Ali sebagai khalifah ke empat, peristiwa Perang Jamal dan Perang Siffin.⁶⁸ Ahli sejarah Islam zaman awal ini khususnya al-Zuhri merupakan salah seorang pengasas penulisan sejarah Islam moden dan sarjana seperti Khalidi merumuskan kumpulan ini telah "*put the school of Madinah on solid foundations and set the lines of historical studies*"⁶⁹

Sehingga awal kurun ke 9 Masihi, penulisan sejarah Islam telah bertumpu di Madinah sebelum berpindah ke Iraq khususnya di wilayah Kūfa dan Basra. Aliran baru dalam historiografi Islam ini dipelopori oleh ahli sejarah yang dikenali sebagai golongan *akhbāriyyūn*⁷⁰ dan kelompok mereka dikenali juga sebagai ahli sejarah aliran historiografi Iraq (School of Iraq). Pada kurun ini muncul lebih ramai ahli sejarah yang menunjukkan minat yang tinggi terhadap naratif sejarah dan mempelbagaikan sumber-sumber sejarah mereka termasuklah menggunakan sumber-sumber kabilah dalam monograf (*kutub*) mereka. Ketika ini ramai ahli sejarah juga cuba untuk menghubungkan teknik penulisan sejarah awal Islam dengan historiografi pra Islam. Naratif sejarah mereka juga kelihatan lebih mudah, berterus terang dan seringkali menyertakan ilustrasi sejarah. Antara mereka ialah Abū Mikhnaf yang menulis sejarah nabi dan peristiwa-peristiwa sejarah selepas zaman Madinah. Tema-tema yang dibicarakan juga diperkayakan tidak hanya tentang perkembangan Islam dan kerasulan tetapi juga mencakupi misalnya isu murtad, perebutan takhta dan politik pemerintahan khususnya ketika kepimpinan Saidina Umar. Ahli sejarah Islam tersohor yang datang kemudian iaitu At-Tabarī telah merujuk lebih 345 kali tulisan Abū Mikhnaf dalam karya beliau. Abū Mikhnaf dianggap antara pelopor sejarah aliran Iraq dengan memperkenalkan kaedah rantaian saksi yang lemah, memasukkan unsur-unsur puisi dalam karya sejarah dan memasukan kaedah bercerita dalam karya.⁷¹

Tokoh-tokoh terkenal yang lain ialah Al-Madā'inī, sejarawan asal wilayah Basra yang tersohor. Beliau telah menulis karya sejarah yang merangkumi zaman pra Islam sehingga kurun ke 3 Masehi. Beliau juga ialah orang pertama yang memperkenalkan teknik naratif berantai dalam historiografi Islam. Tema-tema sejarah yang dikupasnya pula lebih pelbagai termasuklah tema politik semasa, kesusasteraan dan sejarah sosial. Beliau telah memberikan sumbangan yang amat besar dengan menghasilkan lebih 245 karya sejarah yang

⁶⁷ Al-A'zami, *Studies*, 278-280; Horowitz, 33-50 dan Duri, *The rise of historical writing*, 27-28.

⁶⁸ Duri, "Al-Zuhri," 8-10

⁶⁹ Khalidi, *Arabic Historical thought*, 33.

⁷⁰ Diambil dari kata *khbar* yang bermaksud berita dan seringkali disuai padankan dengan frasa *dhikr* (laporan), *amr* (hubungan) dan *hadīth* (cerita)

⁷¹ Duri, *the rise of historical writing*, 45

sangat bermutu.⁷² Tokoh terkenal yang lain ialah 'Awwānah b. Hakam al-Kalbi yang banyak menghasilkan penulisan salasilah dan memasukkan elemen puisi dalam karya beliau. Antara karya beliau yang terkenal ialah *Sīrat Mu'āwiya wa banī Umayya* (Sejarah kehidupan Mu'āwiya dan Banī Umayya) dan *Kitāb al-Ta'rikh* (Buku Sejarah).⁷³ Karya beliau banyak menyentuh tentang tema-tema kekhalfahan, pembukaan wilayah, gerakan murtad dan peristiwa-peristiwa sekitar pemerintahan Saidina 'Ali, Mu'awiyya dan sejarah kerajaan Umayyā sehingga era pemerintahan khalifah 'Abd al-Malik b. Marwān (705 Masehi).

Genre Dalam Pensejarahan Awal Islam

Historiografi Islam di peringkat awal khususnya pada zaman Madinah dihasilkan dalam pelbagai bentuk atau genre. Antara genre terawal ialah dalam bentuk *sīrah* dan *maghāzi*. *Sīrah* bermaksud jalan hidup dan terma ini merujuk khusus kepada biografi Rasulullah SAW. Genre ini merupakan bentuk terawal yang dihasilkan dalam historiografi Islam.⁷⁴ Terma *maghāzi* pula berasal daripada istilah *sarāyā* atau ekspedisi dan *ghazawāt* (pertempuran) atau jamaknya *maghaza* yang bermaksud lokasi pertempuran. Kedua-dua istilah ini merujuk kepada peristiwa ekspedisi yang seringkali membawa kepada teretusnya pertempuran dan peperangan dalam sejarah Islam. Justeru penggunaan istilah ini yang paling awal dikesan ialah pada zaman Rasulullah SAW lagi.⁷⁵ Memandangkan tradisi historiografi Islam bermula pada zaman kepimpinan Rasulullah SAW di Madinah, serta didominasi pula oleh kumpulan ulama' hadīth, maka peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh nabi telah mempengaruhi dan menjadi inti utama kepada penulisan dua genre ini. Malahan hadīth dan al-Qur'an bukan sahaja menjadi sumber utama kepada historiografi Madinah tetapi yang lebih utama kehidupan Rasulullah SAW telah menjadi inspirasi yang menarik minat umum untuk menumpukan penulisan sejarah dalam dua genre awal ini termasuklah kisah-kisah peperangan dan ekspedisi yang dilalui oleh baginda Hal ini telah diakui sendiri oleh ramai pengkaji misalnya Rosenthal yang menyatakan bahawa, "*the Prophet himself planted the seeds from which a wider interest in history was to arise*".⁷⁶

Selanjutnya kemunculan pelbagai parti dan konflik politik, ketegangan dalam isu perebutan dan peralihan kuasa, perkembangan wilayah Islam, eksplorasi dan perang serta penubuhan badan pentadbiran yang lebih kompleks telah menyaksikan perkembangan dua genre ini dengan lebih meluas. Kompleksiti pentadbiran wilayah yang meluas dengan sistem percukaian yang rencam pasca era Madinah memerlukan pelbagai rekod diuruskan dengan sistematik dan bertulis. Rekod-rekod ini kemudiannya menjadi sumber penting dalam memperkayakan sumber historiografi Islam. Pada era ini antara penulis *sirāh* yang terawal dan terkenal ialah Ibn Ishāq dan diikuti oleh Ibn Hisham dalam karyanya *Sīrat al-*

⁷² 'Abd al-'Aziz al-Durī, *Baḥth fī nash'at 'ilm al-tārikh 'inda al-'Arab* (Beirut: Dār al Mashriq, 1993), 39

⁷³ Duri, *The rise of historical writing*, 45

⁷⁴ Martin Hinds, "Maghazi and Sira in Early Islamic Scholarship," dlm. *The Life of Muhammad*, diedit oleh Uri Rubun, vol. 4 (Aldershot: Ashgate Variorum, 1998), 3-4

⁷⁵ *Encyclopedia of Islam*, "al-Maghazi," 1161

⁷⁶ Rosenthal, *Muslim historiography*, 30

*Nabawiyyah li Ibn Hisham*⁷⁷. Ahli sejarah lain yang turut muncul dalam genre ini ialah ‘Awannāh b. Hakam al Kalbi, Abū Miknaf dan al-Madāini.

Berhubung dengan Ibn Ishāq, beliau merupakan seorang tokoh ahli sejarah *sirāh* yang sangat terkenal.⁷⁸ Karya beliau biarpun menggunakan tajuk *maghāzī* dan bukan *sirāh*, tetapi dari segi isi kandungannya ramai berpendapat ia tergolong dalam karya genre *sirāh*. Menurut sejarawan seperti Martin Hinds, ketika Ibn Ishāq menulis karyanya tidak wujud perbezaan yang jelas antara *sirāh* dan *maghāzī*. Perbezaan ini hanya muncul kemudian dan dibuat oleh sejarawan al-Wāqidī.⁷⁹ Karya terkenal Ibn Ishāq aslinya berjudul *Kitāb al-maghāzī* mengandungi tiga bahagian. Yang pertama dinamakan *mubtada* (sejarah era pra-Islam), *al-mab’ath* (biografi Rasuluallah SAW di Mekah) dan yang terakhir ialah *maghāzī* iaitu sejarah Rasuluallah SAW di Madinah sehingga kewafatan baginda. Menurut sejarawan Horovith, karya Ibn Ishāq juga menyentuh tentang zaman khulafa ar-Rashideen tetapi pandangan ini disanggah oleh Schacth.⁸⁰ Karya beliau ini telah dirujuk oleh sejarawan terkemudian termasuklah al-Bakkaī, Salāma b. Fadl al Abrash al-Ansāri, Yunus b. Bukayr dan Harūn b. Abu Īsā. Selanjutnya ia turut dirujuk oleh Ibn Hishām, Ibn Sa’ad, at-Tabari dan Ibn Athīr.⁸¹

Selain genre *sirāh*, penghasilan genre *maghāzī* juga telah memperkenalkan seorang tokoh yang amat dikagumi dalam sejarah historiografi Islam. Beliau ialah Abū ‘Abdallāh Muhammad b. ‘Umar al-Wāqidī. Beliau yang dilahirkan di Madinah dan kemudiannya meninggal dunia di Baghdad amat terkenal dengan karya *sārayā*, *maghāzī* dan *futūhat*.⁸² Ibn al-Nadim telah menyenaraikan lebih 28 karya dalam pelbagai bidang janaan al-Wāqidī. Namun hanya 24 karya sahaja yang dianggap sebagai karya sejarah. Dari senarai itu hanya beberapa kitab karya sejarah beliau telah diterbitkan antaranya termasuklah *Kitāb al-Maghāzī*, *Futūh al-Shām*, *Futūh al-‘Irāq*, *Futūh Afrīqiya* dan *Futūh al-Misr*.⁸³ Sejarawan terkemudian seperti Ibn Qutaybah, al-Mas’ūdi dan Al-Dhahabī menganggap al-Wāqidī ini sebagai tokoh teragung dalam penghasilan genre sejarah *al-maghāzī*.⁸⁴ Sementara itu karya dan metodologi penulisan sejarah al-Wāqidī telah memberi pengaruh yang besar terhadap sejarawan Islam terkemudian termasuklah misalnya Ibn ‘Abd al-Hakam yang menulis *Futūh*

⁷⁷ *Sirat al-Nabawiyyah li Ibn Hisham*. Diedit oleh Mustafā Shak’ah et.al, 2 Vol. (Beirut: Manshurat Dār al-Khulūd) 151-157

⁷⁸ Nama sebenar beliau Muhammad b. Ishāq mulai mempelajari tradisi historiografi dalam usia yang muda. Ketika berumur 30 tahun beliau telah berkelana ke Madinah, Mesir, Kufa, al-Jazira, Syria, Alexandria dan Baghdad untuk mengumpul pelbagai sumber tentang sejarah rasulallah saw. Beliau memperolehi sumber-sumber dari ahli sejarah yang lebih awal termasuklah al-Zuhrī, Āsim b. ‘Umar b. Qattādah dan ‘Abdallah b. Abū Bakr. Lihat Horovitz, 169-170, Guillaume, *the life of Muhamad*, 13.

⁷⁹ Martin Hinds, *the life of Muhamad*, 3-4

⁸⁰ Bharuddin Bhat, “A Survey of Early Muslim Historiography,” *Islamic Quarterly*, vol.29 (1985),252

⁸¹ Khalidi, *Arabic Historical Thought*, 31

⁸² *Sarāyā* atau *bu’ūth* ialah karya sejarah tentang peperangan yang diarahkan oleh rasuluallah SAW tetapi tidak disertai oleh Baginda. Pertempuran yang disertai oleh Rasuluallah SAW disebut sebagai *ghazwāt*. Manakala *futūhāt* pula ialah karya sejarah tentang pembukaan sesebuah kota atau wilayah misalnya sejarah pembukaan kota Mekah dan sejarah pembukaan wilayah Syam.

⁸³ Lihat Ibn Nadim, 213-216, Horovitz, 514-517 dan Jones Marsden, “Muqaddimah,” 1:10-13.

⁸⁴ Duri, *the rise of historical writing*, 38, Khalidi, *Arabic Historical Thought*, 45 dan Dunlop, M. Douglas, *Arab Civilization to 1500* (London:Longman)74

al-Misr, Abū Ismaīl al-Azdi yang menghasilkan karya berjudul *Futūh al-Shām* serta al-Balādhuri dengan karyanya *Futūh al-Buldān*.⁸⁵

Selain daripada dua genre ini, tradisi historiografi Islam klasik juga menyaksikan kelahiran genre *tabaqāt* dan *nasab*. Frasa *tābaq* bermaksud tingkat atau peringkat, dan dalam konteks historiografi Islam ia merujuk kepada kelas, lapisan atau generasi manusia. Dalam persuratan *tabaqāt* penulis akan menulis kisah sejarah sesuatu generasi misalnya tempoh dua puluh atau empat puluh tahun sebagai satu tempoh *tabaqah*.⁸⁶ Penulisan genre ini amat jelas dipengaruhi oleh *dīwān*, iaitu rekod bertulis tentang salasilah kumpulan tertentu dan maklumat dalam *dīwān* digunakan secara meluas untuk tujuan pembayaran upah atau gaji serta pengagihan hasil. Ia juga sebagai bukti untuk menentukan status sosial seseorang dalam masyarakat. Rekod *dīwān* telah disusun bermula dengan keluarga Rasuluallah SAW sendiri. Menurut Rosenthal “*the tabaqāt division is genuinely Islamic. It would be the oldest chronological division which presented itself to Muslim historical thinking*”⁸⁷

Tradisi *tabaqāt* ini telah menarik perhatian ramai pengkaji historiografi Islam. *Kitāb Tabaqāt al-muhaddithin* karya Al-Mu’afa b. ‘Imrān al-Mawsīlī (791 Masehi) dianggap sebagai karya pertama genre ini. Sementara itu, al-Zuhrī pula dilihat sebagai penulis *tabaqāt* yang paling berpengaruh dalam tradisi historiografi klasik Islam. Beliau telah menulis pelbagai siri dalam genre ini dan antara yang terkenal ialah *Kitāb tabaqāt al-kubrā*.⁸⁸ Seorang lagi tokoh terkenal ialah Ibn Sa’d yang dianggap antara yang paling berwibawa dalam penulisan kamus biografi. Kamus ini telah disusun berdasarkan kelas (*tabaqāt*).⁸⁹ Beliau juga amat berpengaruh dalam menulis pelbagai biografi kelas masyarakat termasuklah para hakim, pemuisi, pegawai pentadbiran, saintis, doktor, ahli falsafah dan peniaga. Ahli-ahli sejarah kemudiannya merujuk kepada sumber beliau dalam menghasilkan kamus biografi pelbagai kumpulan strata masyarakat. Antaranya ialah karya berjudul *History of Baghdad*, *Tabaqāt al-atibbā*, *Tabaqāt al-awliyā*, *Tabaqāt al-umam* dan *Tabaqāt al-fuqahā*.⁹⁰ Seorang pengkaji terkenal Zubayr Siddiqi dalam menilai sumbangan Ibn Sa’d dalam genre *tabaqāt* ini menjelaskan bahawa:

Ibn Sa’d has shown in his work impartiality and honesty, thoroughness and minuteness, and objectivity and originality...Be it as it may, the *Tabaqāt* of Ibn Sa’d in one of the earliest extant work on *Asma al-Rijal*, containing biographical notices of most of the important narrators of the most important period in the history of

⁸⁵ Lihat Akram Diyā al-‘Umarī, *‘A’asr al-khilāfah al-rāshidah* (al-Riyād: Nashr Maktabah al-‘Abikān, 1996) 342-343.

⁸⁶ Rosenthal, *muslim historiography*, 93

⁸⁷ *Ibid.*, 93

⁸⁸ Ghada Osman, “Oral vs Written Transmission: The case of Tabari and Ibn Sa’d,” *Arabica, Journal of Arabic and Islamic Studies*, vol.68 (2001),67-68

⁸⁹ Duri, *the rise of historical writing*,40

⁹⁰ Untuk senarai judul-judul dalam genre ini sila lihat, Hajjī Khalīfa, 6:1095-1108

traditions. It is a rich mine of many-sided, valuable information about the early history of Islam.⁹¹

Genre yang selanjutnya ialah dalam bentuk sejarah salasilah (genealogy). Seperti yang telah dinyatakan dalam perbincangan awal kertas kerja ini, masyarakat Arab pra-Islam mempunyai kesedaran dan tradisi yang amat mementingkan salasilah atau *nasab* kekeluargaan. Malahan *nasab* yang dirakamkan dalam bentuk puisi pra Islam seringkali mencetuskan kesedaran politik kekabilahan, interaksi sosial dan tidak kurang juga sesekali menimbulkan konflik dan pertelingkahan antara kabilah.⁹² Pada era Islam pula, kesedaran tentang sejarah salasilah dipacu oleh minat terhadap salasilah para nabi dan Rasulullah SAW sendiri. Kebanyakan karya biografi awal Islam misalnya karya Ibn Ishāq mengandungi perincian komprehensif tentang salasilah atau *nasab* individu yang dikaji. Selain itu, kesedaran tentang kepentingan salasilah ini juga berpunca daripada inisiatif para khalifah misalnya galakan oleh Saidina ‘Umar yang memerlukan perincian data latar belakang mereka yang terlibat dalam perang dan pembukaan wilayah bagi tujuan pengagihan hasil negara. Justeru *dīwān* ‘Umar (rekod daftar penduduk) dianggap oleh ramai sarjana sebagai cubaan terawal menghasilkan penulisan genre salasilah dalam historiografi Islam.⁹³ Selanjutnya pada zaman Umayyah, genre ini telah berkembang dengan lebih pesat kerana sokongan yang diberikan oleh pemerintah. Antara karya terkenal yang muncul pada era ini ialah karya oleh Dagfal b. Hanzala al-Shaybāni. Beliau telah digalakkan sendiri oleh Khalifah Mu’awiyah dalam penulisan sejarah *nasab*. Pada kurun ke dua kalendar Islam, penulisan *nasab* ini berkembang hebat dan antara tokoh terkemuka dalam karya ini ialah Muhammad b. al-Sāib al Kalbī atau Ibn Kalbī yang telah mengumpul, mengedit dan menyusun segala informasi semasa tentang *nasab* para tokoh dan penduduk terpilih ketika itu.⁹⁴

Tokoh-tokoh lain penulis *nasab* terkemuka ialah Abū Yaqzān al-Nassaba (805 Masehi), Hisham b. Muhammad al Kalbī (819 M) dan Ibn Nadīm yang telah menulis lebih 150 karya sejarah khususnya dalam genre *nasab* ini. Antara karya terkenal Ibn Kalbī pula ialah *Jamharat al-Nasab*. Karya ini telah menghimpunkan rekod *nasab* pada zaman awal Islam dan kontemporari dengan kemasukan lebih 35 ribu nama yang kebanyakannya mereka yang meninggal dunia sebelum akhir kurun pertama kalendar Islam. Beliau telah memperincikan misalnya struktur pemerintahan kabilah, puak dan keluarga dan menyediakan ringkasan akaun biografi tokoh-tokoh terkemuka. Beliau memulakan penulisan salasilah Adnan untuk Arab Utara dan Qahtan untuk Arab Selatan. Kemudian beliau telah memperincikan hubungan salasilah tanpa terputus setiap individu yang berasal daripada Adnan dan Qahtan.⁹⁵ Beliau juga telah menulis *Kitāb al-nasab al-kabīr* (kitab induk salasilah), *Kitāb al-aswaw al-‘Arab* (buku rekod pasar-pasar Arab), *Kitāb al-asnām* (buku tentang senarai berhala) dan *Kitāb al-fityan al-arba’a* (buku empat hero – merujuk kepada

⁹¹ Muhammad Zubayr Siddiqi, *Hadith Literature* (Cambridge: The Islamic Text Society, 1961), 177-178

⁹² Khalidi, *Arabic Historical Thought*, 49-50

⁹³ Lihat Nicholson, 187-188

⁹⁴ *Ibid.*, 541

⁹⁵ Khalidi, *Arabic historical thought*, 52

empat khulafa ar-rashideen)⁹⁶. Seorang lagi tokoh yang menulis karya sejarah *nasab* ini dan tidak boleh dipandang remeh sumbangan beliau dalam tradisi historiografi awal Islam ialah al-Mu'arrij b. 'Amr al-Sadūsi (811 Masehi) yang telah menulis karya *Kitāb hadhf min nasab Quraysh* (Buku Perincian Nasab Quraish). Karya beliau ini dilihat banyak dipengaruhi oleh pemerintah Abbasiyah.⁹⁷ Tidak ketinggalan juga ialah Haitham b. 'Adi Abū Abd al-Rahman (861 Masehi) yang terkenal sebagai sejarawan yang banyak menulis tentang *nasab* pra Islam, Parsi dan era Umayyah. Beliau juga telah melakukan sintesis antara sejarah dan penulisan *nasab*. Antara karya beliau yang terkenal ialah *Ta'rikh al-ashraf al-kabīr* (Sejarah Hebat Orang Terkemuka) yang secara langsung telah mempengaruhi penulisan ahli sejarah Islam terkemudian iaitu al-Balādhuri yang menghasilkan karya besar *Ansāb al-ashrāf*. Nama beliau telah disebut lebih 31 kali dalam karya sejarah oleh sejarawan terkemuka Islam, At-Tabari sekaligus menunjukkan pengaruh yang hebat oleh beliau ini terhadap penghasilan sejarah *nasab* dalam siri historiografi Islam klasik. Merujuk kepada senarai ahli-ahli sejarah *nasab* ini amatlah janggal sekiranya tidak juga disebut nama Mus'āb b. Abdallāh b. Mus'ab al-Zubayrī (851 Masehi). Sejarawan prolific ini telah menghasilkan karya sejarah *nasab* yang amat mengkagumkan antaranya ialah *Kitāb al-nasab al-Kabīr* dan *Kitāb nasab al-Quraysh*. Sarjana Islam terkenal seperti Ibn Hajar sendiri telah memperakui kebolehpercayaan yang tinggi terhadap data-data dan fakta sejarah yang disusun oleh al-Zubayrī.⁹⁸ Beliau diakui amat berjasa dalam menyediakan rekod salasilah yang signifikan tentang para nabi, tokoh terkemuka Islam dan segala perincian tentang kabilah-kabilah besar bangsa Arab. Al-Zubayrī juga dihormati kerana amat menekankan penggunaan dan rujukan terhadap al-Qur'an dan hadīth dalam karya beliau.⁹⁹

Metodologi Penyelidikan Dan Penulisan Historiografi Islam Klasik

Seperti yang dinyatakan dalam perbincangan awal artikel ini, historiografi Islam era Madinah diinspirasi dan dipengaruhi secara langsung oleh al-Qur'an dan hadīth. Malahan kebanyakan ahli sejarah era Madinah merupakan golongan ulama' *muhadithin*. Justeru, metodologi penyelidikan dan penulisan karya sejarah Islam pada zaman awal ini amat dipengaruhi oleh metodologi kajian dan penulisan hadīth Rasulullah SAW. Menurut pengkaji seperti Khalidi, adalah tidak syak lagi bahawa penyelidikan dan penulisan sejarah zaman awal Islam dipengaruhi secara langsung oleh kaedah penyelidikan, pengumpulan dan penulisan hadīth.

¹⁰⁰ Antara pengaruh yang dimaksudkan ialah misalnya penekanan kepada metodologi penilaian terhadap kesinambungan rangkaian sumber atau *isnād* seperti mana yang dipraktikkan dalam kaedah sains hadīth yang unik iaitu yang disebut juga sebagai *'Ilm al-jarh wa al-ta'dil*.¹⁰¹ Sebagaimana ahli hadīth, ahli sejarah awal Islam juga amat teliti dalam memastikan kepatuhan kepada prinsip kebolehpercayaan kepada rangkaian sumber oleh para periwayat (*isnād*) dan menilai secara kritikal teks sumber sejarah itu sendiri atau *matn*. Tidak terkecuali

⁹⁶ Dunlop, 80

⁹⁷ Rosenthal, *Muslim historiography*, 95

⁹⁸ Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Diedit oleh Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata', Vol. 10 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah), 123

⁹⁹ Al-Dhahabi, *Siyar*, 11:30-32

¹⁰⁰ Khalidi, *Arabic historical thought*, 26

¹⁰¹ Hajjī Khalifah, I:582

ahli sejarah Islam juga amat teliti dalam memeriksa kebolehpercayaan pembawa berita atau narator sumber (*rawī*). Dalam historiografi awal Islam para *rawī* akan diteliti kewibawaan mereka dengan ketat dan penilaian diukur dari aspek kebijaksanaan fikiran ('aql) mereka, kecekapan pemikiran (*al-zabt*), perawī adalah seorang Islam yang baik (*a-Islām*) dan dia ialah seorang yang adil (*al-'adālah*).

Sistem *isnād* misalnya adalah antara elemen terpenting dalam metodologi penulisan sejarah Islam. Pada peringkat awal ia telah digunakan dalam bidang *hadīth* dan kemudiannya dipraktiskan pula sebagai metodologi kritikan sumber dan laporan sejarah. Dalam erti kata lain, metodologi historiografi Islam klasik telah turut menggunakan kaedah kritikan *hadīth* atau metodologi sains *hadīth* (*Usūl al-hadīth*) dan *Asmā' al-rijāl* (kaedah penilaian narator)¹⁰² Kaedah ini kemudian berkembang dan dipraktiskan oleh ramai para sarjana sejarah terkemudian yang juga ulama' *hadīth* termasuklah misalnya Ibn Hajar al-'Asqalani, Muhammad b. Ismā'il al-Bukhārī dan Shams al-Din Al-Dhahabi. Oleh kerana hubungan yang amat rapat antara metodologi *hadīth* dan metodologi sejarah, maka ahli sejarah Islam zaman awal amat mementingkan soal kebenaran sejarah dalam karya mereka (*historical truth*) dan objektiviti sumber serta karya sebagaimana yang ditekankan dalam proses periwayatan *hadīth* Rasulullah SAW.

Historiografi Islam mencapai kemuncak kestabilannya pada kurun ke 9 Masehi. Dari segi metodologi, kaedah pengkajian *hadīth* mula diganti dengan kaedah *adab*. Berbanding kaedah *hadīth*, kaedah *adab* lebih fleksibel khususnya berhubung dengan isi kandungan, metodologi dan penilaikan kritikal. Penemuan semula dan koleksi puisi pra Islam ketika era akhir pemerintahan Umayyah dan Abbasiyah turut menyumbang kepada tumbuhnya minat mendalam kepada kaedah *adab* dalam menulis sejarah.¹⁰³ Antara mereka yang banyak menggunakan pendekatan *adab* ini ialah al-Balādhurī. Menurut Duri, al-Balādhurī telah menggabungkan metodologi *tabaqāt*, *akhbār* dan *nasab* dalam karya-karya beliau.¹⁰⁴ Malahan menurut Duri lagi, dalam keadah yang digunakan oleh al-Balādhurī ketika menulis karya *Futūh al-buldān* memperlihatkan aspek yang sangat kritikal dalam memilih material, dan menyerlahkan imej yang seimbang selain mejauhkan diri daripada menggunakan kepelbagaian akaun untuk peristiwa yang sama. Beliau telah menggabungkan kaedah *hadīth* dan sumber Madinah kerana sumber itu dianggap sebagai objektif dan tepat¹⁰⁵

Selain daripada kaedah *hadīth* dan *adab*, para sejarawan Islam turut menggunakan metodologi disiplin-disiplin bantu bagi memastikan penulisan dan penyelidikan yang dilakukan lebih tepat dan komprehensif. al-Balādhuri sendiri misalnya menggunakan kaedah undang-undang dan analisis ekonomi dalam penulisan beliau. Antaranya termasuklah menggunakan undang-undang *kharāj*, sistem pencen, sistem *diwān* (daftar penduduk) sistem kewangan dan kaedah topografi.¹⁰⁶ Dalam karya beliau berjudul *Ansāb al-ashraf*,

¹⁰² Lihat perinciannya dalam Ifikhar Zaman, "The Science of Rijal as a Method in the Study of Hadiths", *Journal of Islamic Studies*, vol. 5 (1994), 1-33

¹⁰³ Khalidi, *Arabic historical thought*, 83-86

¹⁰⁴ Duri, *The rise of historical writing*, 62

¹⁰⁵ Duri, *The rise of historical writing*, 62

¹⁰⁶ Lihat misalnya dalam bahagian terakhir tulisan al-Balādhurī, *Futūh al-buldān*, 2:237-274

beliau telah menggabungkan kaedah *isnād* dan pendekatan undang-undang pentadbiran. Walau bagaimanapun kaedah yang digunakan itu tidaklah sampai menepati sepenuhnya tuntutan kaedah *hadīth* kerana beliau hanya memberikan nama kepada sumber yang dipetik.¹⁰⁷ Tokoh lain yang turut menggunakan pelbagai disiplin bantu dalam kajian dan penulisan sejarah mereka ialah al-Ya'qūbī. Beliau telah meluaskan tema penulisan sejarah Islam daripada kisah para nabi kepada sejarah dunia yang universal ruang lingkungannya. Beliau menggunakan kaedah atronomi dan sumber-sumber kuno dalam penulisan sejarah. Antara kaedah geografi yang diaplikasi oleh beliau ialah dalam penulisan *Kitāb al-Buldān*¹⁰⁸ Dalam karya ini beliau telah menulis sejarah universal dengan mengambil kira kepelbagaian manusia, negara dan budaya. Begitu juga dengan karya beliau dalam *Kitāb al-tārikh* (Buku Sejarah) yang mengandungi dua jilid. Yang pertama berhubung dengan sejarah masyarakat dunia dan tamadun awal misalnya tamadun Babilon, Mesir, Parsi dan Greek. Manakala jilid yang ke dua menyentuh tentang masyarakat Arab pra-Islam, zaman madinah sehinggalah zaman kerajaan Abbasiyah di bawah pemerintahan Khalifah al-Mu'tamid. Selain menggunakan metodologi geografi beliau juga memberikan tafsiran sejarah berdasarkan pendekatan geografi¹⁰⁹

Sumber-Sumber Sejarah

Sumber asas dan utama dalam tradisi historiografi Islam ialah Al-Qur'an dan al-hadīth. Seperti yang dinyatakan dalam bahagian awal tulisan ini, Al-Qur'an telah memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan historiografi Islam. Justeru kisah dan rekod sejarah manusia yang telah terakam di dalam al-Qur'an menjadi sumber utama kepada para sejarawan Islam. Misalnya biografi para nabi yang terakam dalam al-Qur'an menjadi sumber rujukan utama kepada ahli sejarah Islam dalam menghasilkan kitab-kitab sejarah khususnya sejarah pada nabi dan rasul. Bagi ahli sejarah Islam, kisah-kisah sejarah yang disebut dalam al-Qur'an itu merupakan sumber sejarah yang benar dan tepat. Contohnya ialah kisah sejarah Nabi Adam a.s, Nabi Ibrahim a.s, kisah Nabi Nuh a.s dan tidak terkecuali kisah Nabi Muhamad S.A.W. Sejarah Rasulullah S.A.W dan misi suci baginda disebutkan dengan jelas di dalam al-Qur'an.¹¹⁰ Malahan al-Qur'an juga merekodkan tentang kisah kaum-kaum terdahulu, individu dan lokasi terjadi peristiwa-peristiwa sejarah lama. Misalnya *Dhul Qarnayn Dam*, *Ashāb al-Kahf*, *Dhāt al-'Imād*, *Ashāb al-Ukhdūd* dan *Ashāb al-Fil*. Juga lokasi terjadinya peristiwa sejarah misalnya perang *Ahzāb*, *Khandaq* dan *Uhud*, *Adna'l 'Ard* (kampung Nabi Lūt) dan *'Udwah Quswa*.¹¹¹

¹⁰⁷ Khalidi, *Arabic historical thought*, 67

¹⁰⁸ Lihat Madouf 'Abd al Mālikal-Farrā, *A Critical edition of Kitāb al-Buldān* (tesis PhD yang tidak diterbitkan, University of Exeter, 1981), 6-40

¹⁰⁹ Duri, *The rise of historical writing*, 64

¹¹⁰ Faruqi, Nisar Ahmad, *Early Muslim historiography: A Study of Early Transmitters of Arab History from The Rise of Islam up to The End of of Umayyad Period* (Delhi: Idarat-i-Adabiyat-i-Delhi, 1979)

112

¹¹¹ *Ibid.*, 132-133

Sementelah itu, tradisi kenabian dan rasul menjadi inspirasi dan sumber kedua terpenting dalam penghasilan historiografi Islam. Menurut para pengkaji seperti Francisco Gabriel, “*the Prophet’s traditions served as the main sources of Islamic history. The origins of Muslim historical research were attributed to the Prophet of Islam*”.¹¹² Malahan sejarawan Islam amat berterima kasih kepada kemunculan ilmu ‘*Ulum al-Hadīth* yang disebut sebelum ini kerana menjadi panduan kepada penulisan sejarah Islam yang lebih saintifik dan objektif. Tokoh-tokoh awal yang dianggap pengasas kepada historiografi Islam seperti ‘Urwa b. al-Zubair, Shihāb al-Zuhrī, Mūsa b. ‘Uqbah, Ibn Ishāq dan al-Wāqidi menggunakan sepenuhnya sumber-sumber hadīth dalam penulisan karya mereka. Ahli Sejarah ini memperolehi sumber-sumber sejarah secara langsung daripada Rasuluallah S.A.W mahupun daripada keluarga terdekat dan sahabat-sahabat baginda. Latar belakang dan hubungan kekeluargaan yang rapat membolehkan sumber sejarah diperolehi secara langsung melalui periwayatan mahupun kesaksian. ‘Urwa al Zubayr (643 Masehi) misalnya menulis sejarah Rasuluallah S.A.W melalui sumber-sumber terdekat baginda. Bapanya ialah Zubayr b. Awwām dan ibunya ialah Asma’ binti Abī Bakr. Nenek beliau ialah isteri Rasuluallah S.A.W iaitu Saidatina Khadīja binti Khuwaylid dan ibu saudara beliau ialah isteri Rasuluallah juga iaitu Saidatina Aishah r.a. Makanya, ‘Urwa telah menulis sejarah misalnya tentang peristiwa Hijra, perang Badr, Perjanjian Hudaibiyah dan peristiwa pembukaan Kota Mekah berdasarkan kepada sumber-sumber langsung ini. Antara sumber langsung beliau termasuklah daripada para sahabat Rasuluallah SAW dan tokoh-tokoh terkenal Madinah. Antaranya ialah Usāma b. Zayd, ‘Abdallāh Ibn. ‘Amr al-‘As, Abu Hurairah dan tidak terkecuali daripada Saidatina Aishah r.a.¹¹³ Tidak ketinggalan tokoh aliran Madinah yang terkenal iaitu murid kepada ‘Urwa, Ibn Shihāb al-Zuhrī (742 Masehi) atau lebih terkenal dengan panggilan al-Zuhrī. Sumber utama yang beliau gunakan khususnya dalam menulis karya sejarah maghāzi ialah sumber-sumber hadīth yang diambil daripada ‘Urwa sendiri.¹¹⁴

Selain sumber al-Qur’an dan hadīth, sejarawan Islam seperti al-Balādhurī turut menggunakan sumber-sumber bertulis yang lain. Antaranya termasuklah rekod-rekod kerajaan, sumber dari teks undang-undang, rekod percukaian dan rekod pertanian. Misalnya dalam menulis tentang peristiwa pembukaan kota Yemen, beliau telah menekankan tentang ketepatan sumber berhubung dengan koleksi pungutan cukai termasuklah cukai untuk pertanian dan cukai terhadap orang *kufir dhimmī*. Dalam hal ini beliau telah merujuk sumber rasmi daripada arkib kerajaan.¹¹⁵ Tidak terkecuali ahli sejarah Islam seperti al-Balādhurī turut menggunakan sumber-sumber sejarah lisan. Contohnya dalam karya beliau, sering ditemukan pernyataan berbentuk ekspresi misalnya *hadathanī* (dia memberitahu saya), *qāla lī* (dia memberitahu saya), *qālū* (mereka kata) *akhbaranī ‘iddat min ahl ‘ilm* (saya dimaklumkan oleh sekumpulan orang berilmu) dan *haddathana* (kami dimaklumkan). Selain itu ahli sejarah Islam turut menggunakan sumber-sumber bukan Islam yang telah dianalisis kebenarannya. Misalnya sejarawan Ibn Ishāq dalam *Kitāb al-maghāzi* turut merujuk kepada sumber-sumber Kristian dan Yahudi atau *Isrāilliyāt* khususnya dalam menceritakan sejarah

¹¹² Gabriel, Francesco, “Arabic Historiography”. *Islamic Studies*, 18,81-95

¹¹³ Duri, 76-96

¹¹⁴ *Ibid.*, 95-121

¹¹⁵ al-Balādhurī, *Futūh al-buldān*, 1:110-115

tamadun awal sebelum Islam.¹¹⁶ Dalam konteks ini, walaupun Ibn Ishāq bersikap ragu-ragu terhadap sumber yang digunakan, beliau tetap dikritik oleh para sejarawan kerana menggunakan sumber-sumber daripada *ahl al-kitāb* dalam penulisan beliau¹¹⁷. Sumber-sumber beliau kebanyakannya diambil daripada sejarawan Wahb ibn Munabbih (728 Masehi). Manakala Ibn Munabbih sendiri merupakan seorang yang sangat cenderung menggunakan sumber-sumber daripada *Isrā'illīyyat*, mitos dan cerita rakyat yang diambil daripada kabilah Arab dan Kitab Perjanjian Lama. Karya beliau tentang sejarah Yemen misalnya diambil daripada sumber-sumber ini disamping sumber lisan dan puisi berasal daripada kabilah-kabilah Arab di Yemen.¹¹⁸ Karya-karya sejarah terkenal beliau misalnya *Qisas al-anbiyā* (Kisah para Nabi) dan kitab *Mubtada' al-khalq* (Permulaan Penciptaan) jelas mengambil sumber-sumber daripada Yahudi dan Nasrani dalam menceritakan kisan tamadun awal sebelum Islam.¹¹⁹

Berhubung dengan sumber-sumber lisan ini, sejarawan Islam khususnya dari aliran Iraq atau *akhbārīyyūn* mulai kurun ke 2 kalendar Islam turut menggunakan sumber yang diambil daripada cerita-cerita Arab zaman pra-Islam dalam penulisan mereka tentang sejarah sebelum Kerasulan. Sumber ini dalam bentuk *akhbār* (cerita) seringkali menunjukkan pengaruh secara langsung tradisi *ayyam al-Arab* zaman pra Islam. Sumber-sumber ini diperolehi daripada kabilah-kabilah Arab dan seringkali mengandungi elemen-elemen subjektif dan prejudis kepada kabilah tertentu. Contohnya ahli sejarah terkenal Kufah, Sayf Ibn Umar yang menulis tentang peristiwa Gerakan Ridda dan Perang Jamal (Unta) banyak memasukkan sudut pandangan masyarakat Iraq dalam interpretasi beliau. Hal ini bukanlah sesuatu yang pelik kerana sumber penulisan beliau diambil daripada sumber kabilah Tamīm di Iraq.¹²⁰ Contoh yang lain ialah sejarawan 'Awana ibn al-Hakam, seorang lagi tokoh kelahiran Kufah yang menulis karya sejarah *Sīrat Mu'awiyya wa-bani Umayya*. Karya ini memperincikan sejarah pemerintahan kerajaan Umayyah dan kepimpinan Mu'awiyah. Sumber yang digunakan banyak menggunakan puisi-puisi sejarah yang diambil dari kabilah *Kalb* yang sangat pro kepada Umayyah. Malahan sarjana seperti al-Duri menyatakan bahawa "the way he ('Awana) cites poetry in his *akhbar* reflects the influence of the *ayyam* tales"¹²¹

Selain sumber *Isrā'illīyyat* dan sumber lisan kabilah Arab, penulisan sejarah Islam khususnya pada era Iraq turut menggunakan sumber-sumber asing bukan Arab misalnya sumber-sumber dari Parsi. Contohnya ahli sejarah Ibn al-Muqaffa' (760 Masehi) telah menterjemahkan kitab *Khoddy-nāmag* kedalam bahasa Arab dikenali sebagai kitab *Siyar al-Mulūk* (Kehidupan para raja). Contoh yang lain ialah kitab Parsi *Ā'in-nāmag* (Perjanjian dan Dikri) dan kitab *Gāh-nāmag* (Kita Heirarki). Kitab-kitab ini menjadi sumber rujukan penting dalam pensejarahan Islam khususnya berhubung sejarah sebelum Islam dan hubungan

¹¹⁶ Watt, Montgomery, W., "The material Used by Ibn Ishāq," dlm. *Historians of The Middle East*, diedit oleh Bernard Lewis dan P.M Holt (London: Oxford University Press, 1962)23

¹¹⁷ Lihat misalnya Yāqūt, *Mu'jam al Udabā*, diedit oleh D.S Margoliuth, ed. Ke 2 (London, 1923) VI, 400

¹¹⁸ Duri, *the rise of historical writing*, 30

¹¹⁹ *Ibid.*, 127

¹²⁰ *Ibid.*, 46

¹²¹ *Ibid.*, 47

kerajaan Islam dengan kuasa asing. Isi kandungan karya-karya *tabbaqāt* oleh ahli sejarah Islam banyak merujuk kepada karya-karya ini berhubung sumber-sumber sejarah Parsi.¹²²

Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan tentang sejarah perkembangan historiografi Islam sejak kurun ke 7 Masehi sehingga kurun ke 9 Masehi. Kedatangan Islam khususnya dengan pembentukan kerajaan Islam Madinah telah menjadikan disiplin sejarah muncul sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri, objektif dan saintifik. Inspirasi al-Qur'an dan penggunaan kaedah sains al-hadīth dalam disiplin sejarah telah menjadikan bidang ilmu ini berkembang pesat. Ahli sejarah awal Islam yang berpusat di Madinah juga kebanyakannya juga ialah merupakan ulama' hadīth yang tersohor. Walaupun pada peringkat awalnya sukar membedakan antara kajian hadīth dan sejarah, namun klasifikasi disiplin mula menyerlah secara perlahan-lahan khususnya yang dipelopori oleh tokoh sejarawan Madinah seperti 'Urwa dan al-Zuhrī.

Menjelang kurun kesembilan Masehi pula dunia historiografi Islam telah dimonopoli oleh kumpulan ahli sejarah yang berpusat di Kufah dan Basra dikenali juga sebagai aliran Iraq. Kumpulan ini telah memperkayakan lagi dunia historiografi Islam dengan memperkenalkan tema-tema baru misalnya tema tentang politik kerajaan, ekonomi dan kewangan serta tema sejarah universal dan tidak hanya bertumpu kepada sejarah para rasul dan nabi. Malahan mereka juga telah memperkayakan lagi genre, metodologi dan sumber-sumber sejarah Islam seterusnya menjadikan historiografi Islam kian maju dan berkembang pesat.

Dari segi bentuk historiografi pula, dunia historiografi awal Islam menyaksikan kelahiran beberapa genre yang unik dan tersendiri. Antaranya genre *sirāh*, *nasab*, *al-maghazī* dan *tabaqqāt*. Genre-genre ini hanya terdapat dalam tradisi pensejarahan Islam dan tidak ada dalam pensejarahan bangsa lain. Misalnya karya *al-maghazī* yang berkisar tentang ekspedisi perang dan pembukaan kota di zaman Rasulullah S.A.W serta selepas era Baginda. Begitu juga genre *sirāh* yang merupakan karya genre biografi para Rasul yang sangat unik dan tersendiri.

Historiografi Islam juga telah memperkenalkan kaedah penyelidikan dan penulisan sejarah yang boleh dianggap moden dan saintifik. Isu-isu objektiviti (*objectivity*) dan kebenaran sejarah (*historical truth*) yang hanya dibicarakan oleh sejarawan Barat menjelang kurun ke 19 dan 20 Masehi telah ditangani oleh ahli sejarah Islam sejak kurun ke 7 Masehi. Hal ini berkait rapat dengan inspirasi al-Qur'an yang menekankan 'kebenaran peristiwa sejarah' sebagai ingatan dan pedoman hidup manusia serta pengaruh kaedah '*ulum al-hadīth* yang sangat kritikal dengan aspek kesahihah sumber dan keobjektifan naratif sejarah. Malahan dalam menulis sejarah, para sejarawan bukan sahaja meneliti sumber-sumber sejarah tetapi juga kritikal terhadap rantaian sumber (*isnād*), teks sumber (*matn*) dan pembawa sumber (*raawi*) itu sendiri. Setiap satu diperiksa secara kritikal bagi memastikan fakta sejarah yang terhasil adalah tepat dan berwibawa. Hakikatnya para sejarawan awal

¹²² Duri, 59

Islam amat sukar untuk melakukan pembohongan fakta-fakta sejarah kerana mereka secara "spritualnya" terikat dengan tuntutan dan peraturan dalam menyatakan 'kebenaran' ketika menyampaikan hadīth Rasulullah S.A.W.

Dunia historiografi Islam kemudinya telah berubah perlahan-lahan sejajar dengan kepesatan pembangunan pada era pemerintahan dinasti Umayyah dan 'Abbasiyah. Pengaruh luar, konflik politik, perluasan wilayah dan kemakmuran ekonomi telah memberi kesan kepada perkembangan historiografi Islam. Walaupun secara lahiriyahnya penulisan karya-karya sejarah kian bertambah tetapi elemen-elemen 'bukan Islam' misalnya kemasukan unsur-unsur asing dari Parsi dan tradisi Judeo-Kristian telah 'mencairkan' nilai Islam dalam karya sejarah itu sendiri. Antaranya ialah para sejarawan kurang memberikan perhatian kepada aspek *Isnād* dan kebolehpercayaan perawi dalam menyalurkan sumber-sumber sejarah. Malahan walaupun tema-tema sejarah kian berkembang dan pelbagai, termasuklah tema sejarah universal, penulisan sejarah juga seringkali dicemari dengan elemen-elemen 'tak sejarah' misalnya elemen ketamakan politik untuk menulis sejarah bagi 'menggembirakan' pemerintah.

Sesungguhnya dalam membicarakan sejarah perkembangan historiografi dunia, sumbangan historiografi Islam tidak sewajarnya diketepikan. Islam telah membawa dimensi baru kepada dunia pensejarahan termasuklah dari segi tema, genre, kritikan sumber dan metodologi sejarah. Walaupun tulisan ini hanya menumpukan kepada alam pensejarahan di wilayah Arab tetapi keadaan ini hanyalah secara kebetulan memandangkan Islam bermula di kota Mekah dan Madinah. Namun perlu diakui bahawa dari dua kota suci ini Islam telah berkembang pesat ke seantero dunia. Serentak dengan perkembangan itu juga, budaya dan tradisi historiografi Islam telah turut berkembang di seluruh dunia Islam dan tidak hanya terhad di bumi Arab semata-mata. Tidak ketinggalan ialah perkembangan Islam di wilayah Asia Tenggara dan Alam Melayu khususnya. Tradisi historiografi Islam di Asia Barat telah berkembang dan turut mempengaruhi tradisi historiografi Alam Melayu, serentak dengan masuknya Islam di rantau ini.

Bibliografi

Abdul 'Aziz al-Dūrī. *The Rise of Historical Writing Among the Arabs*. Diedit dan diterjemah oleh Lawrence I. Conrad. Princeton: Princeton University Press, 1983.

'Abd al-'Aziz al-Durī. *Bahth fī nash'at 'ilm al-tārikh 'inda al-'Arab*. Beirut: Dār al Mashriq, 1983.

Abdul Muhsin al-Hussaini. *Taqwim a-'Arab fi al-jāhiliyah*. Kaherah: Matba' at Jāmiyah al-Iskandāriyah, 1963.

Akram Diyā al-'Umarī. *'A'asr al-khilāfah al-rāshidah*. al-Riyād: Nashr Maktabah al-'Abikān, 1996.

- Al-A'zami, , Muhammad Mustafa. *Studies In Early Hadīth Literature*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2000.
- al-Balādhurī, Ahmad b. Yahyā b. Jābir. *Futūh al-buldān*. Beirut: Dār al Maktabah al-Hilāl, 1988.
- Al-Dhahabī, Shams al Din Muhammad. *Siyar al-'alām al-nubalā* (ed. Ke 11), Akram al-Bushī, (ed.) (vol-1-23). Beirut : Ar-Risālah Publishers, 1998.
- Al-Qur'an, 7: 172
- Bharuddin Bhat. "A Survey of Early Muslim Historiography," *Islamic Quarterly*, vol.29 (1985): 252
- Dunlop, M. Douglas. *Arab Civilization to 1500*. London: Longman, 1971.
- Erling L. Peterson .*Early Arabic Tradition: Studies on Genesis and Growth of Islamic Historical Writing Until The End of Ninth Century*. Copenhagen:Scandinavian University Press, 1964
- Faruqi, Nisar Ahmad. *Early Muslim historiography: A Study of Early Transmitters of Arab History from The Rise of Islam up to The End of of Umayyad Period*. Delhi: Idarat-i-Adabiyat-i-Delhi, 1979.
- Franz Rosenthal. *A History of Muslim Historiography*. Leiden: E.J Brill, 1968.
- Gabriel, Francesco. "Arabic Historiography". *Islamic Studies*, 18, (1979): 81-95
- George C. Miles. "Early Islamic Inscription near Ta'f in the Hijaz," *Journal of Near Eastern Studies*, vol. 7 (1948): 236-242
- Ghada Osman. "Oral vs Written Transmission: The case of Tabari and Ibn Sa'd" *Arabica, Journal of Arabic and Islamic Studies*, vol.68 (2001): 67-68
- Gholam M. Rasul. *The Origin and development of Muslim Historiography*. Lahore: Sh Muhammad Ashraf,. 1976.
- Guillaume, Alfred. *The Life of Muhammad*.Oxford: Oxford University Press, 1967.
- Hajjī Khalīfa. *Kash al-Dhunūn an asāmī al-kutub wa al funūn*. vol.1-6. Makkah al Mukararramah: al Maktabah al-Faysāliyyah, 1990.

- Hinds, Martin. "Maghazi and Sira in Early Islamic Scholarship." dlm. *The Life of Muhammad*. Diedit oleh Uri Rubin. (vol 1-4). Aldershot: Ashgate Variorum, 1998.
- Horovitz, Josef. "The Earliest Biography of the Prophet and Their Authors", *Islamic Culture*, 1(1927): 535-559
- Ibn Hajar al-'Asqalāni. *Fath al-bāri*, vol.1. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Diedit oleh Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata', Vol. 10. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1994.
- Ibn Hisham *Sirat al-Nabawiyah li Ibn Hisham*. Diedit oleh Mustafā Shak'ah et.al, 2 Vol. (Beirut: Manshurat Dār al-Khulūd, t.t.
- Ibn Kathir, *Al-bidayāh wa al-nihāyah*. Diedit oleh Ahmad 'Abd al-Wahhab, 14 Vol. Fatih. Kaherah: Dār al-Hadith, 1992.
- Ibn Nadim. *The Fihrist of al-Nadim*, Bayard Dodge.Ed. vol.1-2. New York: Columbia University Press, 1970.
- Ibn S'ad. *Al Tabaqāt al-Kubrā*. vol.1-9. Beirut: Dār Sādir, 1957.
- Ifikhar Zaman, "The Science of Rijal as a Method in the Study of Hadiths", *Journal of Islamic Studies*, vol. 5 (1994): 1-33
- Ilse Lichtenstadler. "Arabic and Islamic Historiography," *The Muslim World*, vol. 35 (1945): 128
- Jones J.M.B. "The Maghāzī Literature". Dlm. *Cambridge History of Arabic Literature: Religions, Learning and Science in the Abbasid Period*. Diedit oleh A.F.L Beeston et.al. Cambridge: Cambridge University Press, 1990.
- Josef Horovitz (1972) "The Earliest Biographies of the Prophet and Their Authors," *Islamic Culture*, vol. 1, 536-542
- Khalidi, Tarif. *Arabic Historical thought in the Classical Period* (Cambridge: Cambridge University Press, 1994.
- Khurshid Ahmad Farid. *History of Arabic Literature*. Delhi: Vikas Publications, 1972.
- Madouf 'Abd al Mālikal-Farrā. *A Criticial edition of Kitāb al-Buldān* (tesis PhD yang tidak diterbitkan). Exeter: University of Exeter, 1981.

- Marsden, Jones. "Muqaddimah". Dlm *The Kitāb al-Maghāzī of al-Wāqidi* diedit oleh Marsden, Jones. (vol.1-3). London: Oxford University Press, 1965
- Martin Hinds, "Maghazi and Sira in Early Islamic Scholarship," dlm. *The Life of Muhammad*. Diedit oleh Uri Rubun. Aldershot: Ashgate Variorum, 1998.
- Miles C.George (1948). Early Islamic Inscriptions Near Ta'if in the Hijaz. *Journal of Near Eastern Studies*, 7 (1948): 236-242
- Muhamad b. al-Hasan Ibn Durayd. *Kitāb al-istiḳāq*, diedit oleh Abd al-Salam Muhamad Harun. Kaherah: t.p., 1958.
- Muhamad Hussein Haykal. *The Life of Muhammad*. London: Shorouk International, 1983.
- Muhammad al-Da'mi, "Major trends of Arab historiography," *Journal of the Pakistan Historical Society*, vol. 61 (1993): 262
- Muhammad Zubayr Siddiqi. *Hadith Literature*. Cambridge: The Islamic Text Society, 1961.
- Nicholson A. Reynold. *A Literary History of The Arabs*. Cambridge: Cambridge University Press, 1969.
- Phillip K. Hitti. *History of the Arabs*. London: Macmillan, 1970.
- Robert C. Dentan. *The Idea of History in the Ancient Near East*. New Heaven: American Oriental Society, 1983.
- Ueli Brunner, "Geography and Human Settlements in Ancient Southern Arabia," *Arabian Archeology and Epigraphy*, vol. 8 (1997): 190-202.
- Watt, Montgomery, W. "The material Used by Ibn Ishāq." dlm. *Historians of The Middle East*, diedit oleh Bernard Lewis dan P.M Holt. London: Oxford University Press, 1962.
- Yāqūt. *Mu'jam al Udabā*, diedit oleh D.S Margoliuth, ed. ke 2. London: Oxford University Press, 1923.

Hubungan India dan Kedah Tua

Satu Analisis dari Konteks Membina Sejarah Nasional

Nasha Rodziadi Khaw
Nazarudin Zainun

Pengenalan

Kedatangan pengembara India ke Nusantara telah bermula sejak zaman Sebelum Masihi lagi. Pada ketika itu, masyarakat di Kepulauan Melayu masih berada pada zaman Neolitik akhir atau zaman awal perkembangan maritim. Perkembangan tamadun di benua kecil India yang berlaku jauh lebih awal dari perkembangan tamadun-tamadun lain di Asia Timur menyebabkan perkembangan teknologi pelayaran mereka berkembang lebih awal. Sehingga kini, sumber penulisan India yang memberikan catatan dan rekod yang jelas menunjukkan bahawa wujud ekspedisi-ekspedisi pelayaran dari India ke Kepulauan Melayu adalah amat kurang. Walau bagaimanapun, penemuan arkeologi serta karya-karya sastra awal yang wujud sedikit sebanyak mampu memberikan gambaran mengenai persepsi pengembara dan pedagang India mengenai Kepulauan Melayu. Kawasan perairan Asia Tenggara semestinya merupakan satu tempat yang amat asing bagi pengembara India dan mereka membuat rekod mengikut kaca mata keadaan sosiobudaya mereka. Seterusnya, kebanyakan gambaran mengenai kawasan perairan Asia Tenggara dimanifestasikan ke dalam hasil-hasil kerja kesusasteraan mereka. Walau bagaimanapun, adalah disedari bahawa pengetahuan yang mereka miliki tentang kepulauan Melayu tidak pernah direkod dengan sempurna. Berbanding dengan sumber-sumber penulisan lain, sumber India lebih banyak memberi keutamaan kepada pelabuhan Kedah Tua. Hal ini berkait rapat dengan lokasi pelabuhan Kedah Tua yang terletak di pintu Selat Melaka serta Teluk Bengal dan Pantai Timur India. Oleh yang demikian, lokasi yang strategik menyebabkan para pedagang dan pengembara dari pantai Timur India hingga ke delta Ganges lebih tertumpu pada pelabuhan Kedah Tua tersebut. Berdasarkan kepada keberadaannya, pelabuhan Kedah Tua yang memiliki lebih banyak kepentingan perdagangan kepada pedagang-pedagang India berbanding dengan pelabuhan di Kepulauan Melayu. Berdasarkan kepada rekod bertulis dan penemuan arkeologi, makalah ini akan cuba untuk membincangkan bentuk hubungan yang wujud antara Kedah Tua dan India, dan sejauhmana sejarah hubungan tersebut dapat menyumbang kepada sejarah nasional.

Rekod Bertulis

Hubungan rapat antara India dan Kedah Tua digambarkan dengan jumlah rekod-rekod bertulis yang dihasilkan oleh para pedagang, pengembara, pemerintah dan penyair-penyair India. Berbanding dengan sumber-sumber penulisan lain, sumber India lebih banyak memberi keutamaan kepada pelabuhan Kedah Tua. Hal ini berkait rapat dengan lokasi pelabuhan Kedah Tua yang terletak di pintu Selat Melaka serta Teluk Bengal dan Pantai Timur India. Oleh yang demikian, lokasi yang strategik menyebabkan para pedagang dan pengembara dari pantai Timur India hingga ke delta Ganges lebih tertumpu pada pelabuhan Kedah Tua